

**PERBANDINGAN PRESTASI KEWANGAN PERBANKAN ISLAM
DENGAN PERBANKAN KONVENSIONAL DI MALAYSIA
DARI TAHUN 2009 HINGGA 2014**

(Comparison between Financial Performance for Islamic Banking and Conventional Banking
in Malaysia from Year 2009 to 2014)

HUMAIDA BANU SAMSUDIN & NUR AMIRA MOHD NOH

ABSTRAK

Sistem perbankan yang dilaksanakan di Malaysia adalah dwi-sistem, iaitu sistem perbankan Islam yang dijalankan secara serentak dengan sistem perbankan konvensional. Kedua-dua sistem perbankan ini mempunyai perbezaan dari segi pendedahan risiko yang dihadapi. Ini adalah kerana sistem perbankan Islam melaksanakan pengurusan kewangan yang berlandaskan prinsip Syariah yang berbeza daripada sistem yang dilaksanakan oleh perbankan konvensional. Prinsip Syariah bermaksud pengharaman riba atau faedah dalam apa jua urusan perniagaan. Berikutan prinsip yang dilaksanakan ini, perbankan Islam tidak dapat menjana pendapatan yang lebih dari segi faedah yang dikenakan terhadap pinjaman. Walaupun perbankan konvensional menggunakan dasar faedah yang menguntungkan institusi perbankan, namun begitu perbankan konvensional akan menghadapi risiko yang tinggi jika berlaku krisis kewangan. Kajian ini dilakukan untuk melihat perbezaan di antara perbankan Islam dengan perbankan konvensional dari segi keuntungan yang dijana. Pendekatan CAMEL (*Capital Adequacy, Asset Quality, Management Quality, Earnings Quality, Liquidity Quality*) digunakan untuk menentukan faktor-faktor yang mempengaruhi nisbah pulangan atas aset. Model keberuntungan perbankan yang dihasilkan daripada proses regresi akan menjadi pengukur untuk menerangkan keuntungan yang diperolehi berdasarkan ujian-*t*. Hasil analisis menunjukkan kedua-dua institusi perbankan mempunyai prestasi yang baik bagi tahun 2009 hingga 2014.

Kata kunci: perbankan Islam; perbankan konvensional; CAMEL

ABSTRACT

The banking system in Malaysia is a dual-system of Islamic banking system carried out simultaneously with the conventional banking system. Both types of banking system have differences in terms of risk exposure. This is because the Islamic banking system implemented financial management based on Syariah principles as opposed to the system implemented by the conventional banking. Syariah principles set a ban on usury or interest in any business. Following these principles, Islamic banks cannot earn more than the interest charged on the loan. While conventional banks use interest policies that are considered profitable for banking institutions, however conventional banks will face a high risk in the event of a financial crisis. This study is conducted to see the differences between Islamic banking and conventional banking in terms of profits generated. CAMEL (*Capital Adequacy, Asset Quality, Management Quality, Earnings Quality, Liquidity Quality*) approach is used to determine the factors that affect the return of asset. Model of banking profitability resulting from the process of regression will be a measure for describing banks' profit based on *t*-test. The analysis shows that both institutions have a good performance for the period of 2009 to 2014.

Keywords: Islamic banking; conventional banking; CAMEL

1. Pengenalan

Pada era modenisasi kini, pelbagai pasaran giat berkembang maju dalam menyumbang kepada keutuhan ekonomi negara. Sektor perbankan telah menjadi suatu komponen penting dalam sistem kewangan yang memacu ekonomi negara. Hal ini berikutan kepada penawaran penyelesaian kewangan yang lebih inovatif kepada pelanggan dan juga pelabur. Maka, sistem perbankan yang dilaksanakan ini harus berdiri dengan teguhnya bagi melancarkan segala urusan kewangan dan perniagaan supaya negara dapat mencapai sasarannya untuk mencapai kejayaan dalam bidang ekonomi.

Makna budaya organisasi Islam menurut pandangan Rosfazila *et al.* (2016) adalah terletak kepada aspek kepimpinan, pengembangan dan inovasi produk dan perkhidmatan serta kekuatan operasi yang berteraskan prinsip syariah.

Mohamad Zaim *et al.* (2015) telah menganalisis sepenuhnya langkah-langkah serta usaha yang telah dilakukan oleh Malaysia dalam memperkukuhkan sistem perbankan dan kewangan Islam di Malaysia. Ternyata begitu banyak usaha telah dibuat bagi memastikan sistem perbankan Islam Malaysia kekal stabil dan utuh malah mampu memenuhi permintaan unit-unit ekonomi di Malaysia malah merentasi rantau Asia Tenggara khususnya dalam kalangan negara-negara Islam serantau.

Sistem perbankan konvensional merupakan sistem perbankan British yang diubah suai mengikut undang-undang dan peraturan yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM). Sistem perbankan ini adalah berlandaskan prinsip komersial, iaitu menitikberatkan keuntungan dan juga kecekapan. Ciri-ciri perbankan konvensional adalah mengenakan faedah atas simpanan dan pinjaman, membuat pelaburan dan mengutamakan keuntungan. Sistem perbankan Islam pula wujud pada tahun 1963 dengan tertubuhnya Bank Simpanan Mit Ghamr di Egypt. Sistem kewangan yang digunakan oleh perbankan Islam adalah berlandaskan prinsip dan peraturan Syariah. Menurut Sudin (2008), prinsip Syariah dalam sistem kewangan merupakan aplikasi pengharaman riba dalam perkhidmatan yang disediakan oleh institusi perbankan. Pencapaian institusi kewangan Islam yang kian berkembang maju memberi kebenaran kepada bank-bank konvensional untuk menubuhkan anak syarikat yang mengamalkan sistem perbankan Islam. Oleh yang demikian, Malaysia sebagai sebuah negara Islam mengamalkan sistem perbankan dan kewangan dwi-sistem yang bermaksud, sistem kewangan konvensional dan kewangan Islam dijalankan secara serentak.

Kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti model penganggar terbaik berdasarkan ujian panel data bagi membentuk persamaan keberuntungan perbankan Islam dan perbankan konvensional yang berbeza dari segi prinsip perniagaannya. Berdasarkan persamaan yang dihasilkan, faktor-faktor yang mempengaruhi keberuntungan perbankan Islam dan perbankan konvensional dapat dikenal pasti.

2. Ulasan Kepustakaan

Kajian ini menjelaskan risiko yang dialami oleh institusi perbankan, iaitu risiko kredit, risiko kecairan dan risiko faedah. Janice *et al.* (2005) pula melakukan kajian mengenai risiko perbankan dalam menjalankan perniagaan dengan menggunakan pembiayaan Islam. Hasil kajian mendapati bahawa bank komersial yang menggunakan pembiayaan Islam terdedah kepada risiko faedah yang tinggi, serta risiko kredit dan risiko kecairan yang rendah.

Salman dan Amanat (2008) melakukan perbandingan antara risiko yang dihadapi oleh perbankan Islam dan juga perbankan konvensional. Risiko yang terlibat adalah risiko reputasi, pertukaran, harga, kepekatan, lalai, kecairan, keagamaan. Risiko yang terdedah kepada perbankan Islam dan perbankan konvensional berbeza berdasarkan prinsip yang diamalkan

oleh perbankan berkenaan. Samad (2004) melakukan kajian perbandingan antara kedua-dua sistem perbankan berdasarkan satu aspek, iaitu berkaitan amalan faedah. Hasil kajian mendapati bahawa perbankan Islam mempunyai kurang risiko kredit jika dibandingkan dengan perbankan konvensional ketika berlaku bencana yang memberi kesan kepada aspek kewangan. Kajian yang dilakukan oleh Hanif (2011) pula membincangkan tentang persamaan dan perbezaan dalam perkhidmatan yang disediakan oleh perbankan Islam dengan perbankan konvensional. Perkhidmatan yang disediakan mempunyai objektif yang sama namun begitu, terdapat perbezaan dari segi amalannya dalam perkhidmatan yang disediakan. Badrul dan Rohani (2013) menggunakan analisis CAMEL untuk membandingkan prestasi perbankan Islam dan perbankan konvensional yang terdapat di Malaysia. Kajian mendapati bahawa BIMB adalah lebih baik berbanding Maybank dari aspek kecukupan modal. Menurut Gujarati dan Porter (2009), pengukuran prestasi syarikat boleh dilakukan dengan menggunakan data panel. Gabungan siri masa dan data panel memberi lebih banyak informasi dan kepelbagaian serta kurang kekolinearitan antara pemboleh ubah. Oleh itu hasil regresi yang dihasilkan dapat memberi jawapan yang lebih tepat untuk menerangkan kajian tentang prestasi syarikat perbankan.

3. Data dan Tatakaedah

Sampel yang digunakan adalah 10 institusi perbankan Islam dan 10 institusi perbankan konvensional. Data dicerap dalam bentuk nisbah berdasarkan maklumat yang terkandung di dalam penyata kewangan setiap institusi perbankan menggunakan pendekatan CAMEL (*Capital Adequacy, Asset Quality, Management Quality, Earnings Quality, Liquidity Quality*) dan pendekatan perakaunan. Nisbah bagi faktor-faktor yang mempengaruhi keberuntungan institusi perbankan menggunakan pendekatan CAMEL manakala nisbah perakaunan digunakan untuk mengira keberuntungan institusi perbankan.

3.1 Data Panel

Data panel merupakan pemerhatian yang dilakukan berulang kali pada keratan rentas yang sama. Data panel juga merupakan data siri masa bagi setiap unit statistik dalam keratan rentas. Seperti yang diketahui senarai syarikat perbankan di sesebuah negara adalah terhad. Data bagi satu tempoh tahun juga adalah terhad. Data seperti ini dikenali sebagai panel pendek kerana mempunyai keratan rentas yang besar bagi individu yang diperhatikan untuk beberapa tahun. Bagi data panel, andaian bahawa pemerhatian bertabur secara bebas sepanjang masa tidak dibenarkan dan raja korelasi bersiri menjadi isu. Faktor-faktor yang tidak diambil kira mungkin memberi kesan yang lebih baik ke atas unit statistik yang sama merentasi masa. Ini menyebabkan analisis bagi data panel lebih sukar. Parameter bagi regresi panel boleh dianggar dengan menggunakan tiga jenis model, iaitu penganggaran terkumpul, penganggaran kesan tetap dan penganggaran kesan rawak. Model-model ini menganggar parameter dengan menggunakan kaedah kuasa dua terkecil (*Ordinary Least Squares*) yang dikenali sebagai OLS dan kaedah kuasa dua terkecil teritlak (*Generalized Least Squares*) yang dikenali sebagai GLS. Bagi penganggaran terkumpul dan penganggaran kesan tetap, kaedah yang digunakan untuk menganggar parameter adalah kaedah OLS manakala penganggaran kesan rawak menggunakan kaedah GLS.

3.2 Kaedah Kajian

Kaedah yang digunakan adalah analisis regresi berdasarkan data panel yang diperoleh. Faktor-faktor CAMEL dikelaskan sebagai pemboleh ubah tidak bersandar manakala nisbah pulangan atas aset pula dikelaskan sebagai pemboleh ubah bersandar. Sebarang perubahan yang berlaku pada faktor-faktor ini memberi kesan kepada keberuntungan institusi perbankan.

3.2.1 Pemboleh ubah bersandar

Pemboleh ubah bersandar bagi kajian ini adalah nisbah keberuntungan bank. Nisbah bagi keberuntungan bank yang dikira menggunakan pendekatan perakaunan. Nisbah keberuntungan yang digunakan adalah nisbah pulangan atas aset. Nisbah pulangan atas aset mengukur kebolehan institusi perbankan dalam aspek kecekapan bank dalam menjana keuntungan dengan menggunakan aset yang ada. Semakin tinggi nisbah pulangan atas aset, semakin tinggi keuntungan yang dijana hasil kecekapan penggunaan aset yang dimiliki.

$$\text{Nisbah pulangan atas aset} = \frac{\text{Untung bersih}}{\text{Jumlah aset}} \quad (1)$$

3.2.2 Pemboleh ubah tidak bersandar

Pemboleh ubah tidak bersandar menggunakan pendekatan CAMEL untuk mengukur prestasi kewangan perbankan (Badrul & Rohani 2013). Pendekatan CAMEL mengukur beberapa risiko penting dalam pelaksanaan aktiviti perbankan antaranya risiko kredit dan risiko kecairan. Faktor yang pertama merupakan kecukupan modal. Kecukupan modal mengukur kekukuhan kewangan dan daya maju sesebuah bank. Semakin tinggi modal, semakin tinggi keuntungan boleh dijana. Nisbah kecukupan modal ini juga menggambarkan kebolehan sesebuah bank itu untuk mengatasi kerugian yang dialami di samping dapat menguruskan risiko yang terdedah kepada pemegang saham. Nisbah yang digunakan ialah:

$$\text{Kecukupan modal} = \frac{\text{Jumlah ekuiti}}{\text{Jumlah aset}} \quad (2)$$

Faktor yang kedua merupakan nisbah kualiti aset. Kualiti aset mencerminkan tahap risiko aset dan darjah kekukuhan kewangan. Kualiti aset juga menunjukkan pinjaman yang tidak menunjukkan prestasi yang baik kepada jumlah keseluruhan pinjaman. Kualiti aset yang tinggi mempunyai jumlah peruntukan kerugian pinjaman yang kurang berbanding jumlah keseluruhan pinjaman. Dalam erti kata lain, kualiti aset mengukur kepercayaan kredit bagi sesebuah bank. Sebahagian besar komposisi aset terdiri daripada pinjaman. Kualiti aset bagi sesebuah bank amat penting bagi pelabur dan pendeposit kerana pinjaman merupakan sumber utama dalam menjana keuntungan bank. Nisbah bagi kualiti aset yang digunakan adalah:

$$\text{Kualiti aset} = \frac{\text{Jumlah peruntukan kerugian pinjaman}}{\text{Jumlah pinjaman}} \quad (3)$$

Faktor yang ketiga pula adalah kualiti pengurusan. Kualiti pengurusan mengukur kecekapan dan produktiviti bank dalam menguruskan firma untuk memperoleh lebih banyak deposit daripada pemegang amanah dan pendeposit yang mempunyai kewangan yang kukuh. Hal ini

demikian kerana bank ingin mengurangkan risiko lalai peminjam yang tidak membayar balik pinjaman yang telah diberi. Nisbah antara pembiayaan dan deposit menunjukkan peratusan pembiayaan oleh bank berdasarkan deposit yang diterima. Nisbah kualiti pengurusan yang digunakan adalah:

$$\text{Kualiti pengurusan} = \frac{\text{Jumlah pembiayaan}}{\text{Jumlah deposit}} \quad (4)$$

Kualiti pendapatan merupakan faktor yang keempat dalam kajian yang dijalankan ini. Kualiti pendapatan mencerminkan kualiti keberuntungan bank dan kebolehan bank untuk menjana pendapatan secara konsiten. Secara amnya, kualiti pendapatan adalah nisbah kos per keuntungan. Kos ini merujuk kepada kos operasi manakala keuntungan pula merujuk kepada keuntungan operasi. Kualiti pendapatan juga dapat mengukur kecekapan bank. Semakin rendah nisbah kualiti pendapatan, semakin tinggi keuntungan yang boleh dijana oleh bank.

$$\text{Kualiti pendapatan} = \frac{\text{Kos operasi}}{\text{Keuntungan operasi}} \quad (5)$$

Faktor yang kelima adalah berkenaan kualiti kecairan. Bagi sesebuah bank, kecairan merupakan aspek yang paling penting. Kecairan merujuk kepada kebolehan bank dalam memenuhi mampu bayar firma. Kecairan bermaksud kebolehan bank dalam menukarkan aset yang dimiliki kepada tunai. Kecairan yang tinggi menunjukkan bahawa institusi perbankan tersebut berada pada tahap yang sangat baik dan dapat mengatasi masalah dalam membayar pinjaman walaupun berada dalam krisis kewangan.

$$\text{Kualiti kecairan} = \frac{\text{Aset mudah tunai}}{\text{Jumlah aset}} \quad (6)$$

4. Analisis Data dan Perbincangan

Data-data yang telah selesai diceraip diterjemahkan dalam bentuk bersamaan dengan menggunakan perisian *E-views*. Persamaan yang dihasilkan menjawab objektif-objektif bagi kajian ini.

4.1 Model Keberuntungan Perbankan Islam

Pemilihan model kesan tetap adalah sangat relevan bagi model keberuntungan perbankan Islam berdasarkan beberapa kriteria yang ingin ditekankan.

Jadual 1: Faktor-faktor yang signifikan kepada model kesan tetap perbankan Islam

Pemboleh ubah	Pekali	Ralat Piawai	Statistik-t	Kebarangkalian
C	0.0034	0.0013	2.5515	0.0140**
X_1	0.0930	0.0141	6.5701	0.0000***
X_4	-0.0018	0.0009	-1.8986	0.0636*

*aras keertian 10% **aras keertian 5% ***aras keertian 1%

Nisbah pulangan atas aset adalah 0.0034 apabila faktor-faktor CAMEL yang lain bernilai sifar. Pekali bagi faktor X_1 , iaitu faktor kecukupan modal, mempengaruhi nisbah pulangan atas aset. Terdapat bukti yang sangat kukuh untuk menolak pernyataan H_0 pada aras keertian 1%. Peningkatan satu unit faktor kecukupan modal meningkatkan nisbah pulangan atas aset

sebanyak 0.0930 apabila faktor kualiti pendapatan bernilai sifar. Faktor kecukupan modal penting bagi sesebuah syarikat kerana dapat mengenal pasti sama ada syarikat menggunakan pembiayaan yang lebih banyak bagi melakukan sesebuah projek yang baharu ataupun tidak. Sekiranya syarikat mengisytiharkan lebih banyak dividen untuk diberikan kepada pemegang ekuiti, maka terdapat kurang modal untuk melakukan projek yang seterusnya. Oleh itu, pada tahun berikutnya syarikat perlu melakukan pinjaman untuk mencukupkan modal bagi memenuhi keperluan projek akan datang. Peningkatan jumlah hutang dapat menjejaskan keuntungan syarikat kerana perlu membayar kadar faedah dan berhadapan dengan risiko faedah yang tidak diketahui (FindLaw 2013).

Faktor seterusnya yang mempengaruhi nisbah pulangan atas aset adalah faktor kualiti pendapatan. Terdapat beberapa bukti untuk menolak pernyataan H_0 pada aras keertian 10%. Peningkatan satu unit faktor kualiti pendapatan menurunkan nisbah pulangan atas aset sebanyak -0.0018. Pekali yang dinyatakan ini menunjukkan bahawa keuntungan operasi yang dijana tidak setanding dengan kos operasi yang dikeluarkan oleh perbankan Islam. Kos operasi yang tinggi merupakan antara salah satu kekangan dalam menjana keuntungan institusi perbankan sekiranya tidak dapat menjana keuntungan yang berlipat ganda dengan kos yang dikeluarkan. Penentuan kos operasi adalah penting dalam sesebuah syarikat kerana penganggaran yang jauh daripada nilai sebenar dalam menentukan kos operasi boleh menyebabkan syarikat mengalami kerugian (Investopedia 2016).

4.2 Model Keberuntungan Perbankan Konvensional

Pemilihan model kesan tetap adalah sangat relevan bagi model keberuntungan perbankan Islam berdasarkan beberapa kriterium yang ingin ditekankan.

Jadual 2: Faktor-faktor yang signifikan kepada model terkumpul perbankan konvensional

Pemboleh ubah	Pekali	Ralat Piawai	Statistik-t	Kebarangkalian
C	-0.0101	0.0034	-2.9494	0.0047***
X_2	0.1338	0.0612	2.1855	0.0331**
X_3	0.0134	0.0041	3.2910	0.0017***
X_5	0.0726	0.0038	19.2041	0.0000***

aras keertian 5% *aras keertian 1%

Analisis data seterusnya berkaitan pemilihan faktor-faktor CAMEL yang dapat memberi kesan kepada keberuntungan perbankan konvensional. Merujuk kepada jadual 2, nisbah pulangan atas aset adalah -0.0101 apabila kesemua faktor CAMEL bernilai sifar. Faktor kualiti aset, X_2 mempengaruhi nisbah pulangan atas aset perbankan konvensional. Terdapat cukup bukti untuk menolak pernyataan H_0 pada aras keertian 5%. Kenaikan satu unit faktor kualiti aset meningkatkan nisbah pulangan atas aset sebanyak 0.1338 apabila kesemua faktor lain bernilai sifar. Menurut John (1991), peruntukan kerugian pinjaman menjadi salah satu faktor yang penting dalam menentukan keuntungan bank. Jumlah peruntukan pinjaman bagi sesebuah institusi perbankan menggambarkan tahap risiko kredit peminjam terhadap pinjaman yang telah diberikan. Nisbah yang rendah menunjukkan bahawa peruntukan terhadap pinjaman yang diberikan adalah rendah berbanding keseluruhan pinjaman yang telah diberikan. Peminjam mampu melunaskan hutang mereka dan ini telah mengurangkan risiko kredit institusi perbankan. Pengurangan risiko kredit ini meningkatkan keuntungan institusi perbankan konvensional.

Faktor kualiti pengurusan juga mempengaruhi nisbah pulangan atas aset perbankan konvensional. Hal ini demikian kerana terdapat bukti yang kukuh untuk menolak pernyataan

H_0 pada aras keertian 1%. Peningkatan satu unit faktor kualiti pengurusan meningkatkan nisbah pulangan atas aset sebanyak 0.0134 apabila faktor-faktor lain bernilai sifar. Faktor kualiti pengurusan diukur berdasarkan nisbah jumlah pembiayaan kepada jumlah deposit yang diterima. Ini menunjukkan bahawa hasil deposit yang diterima oleh perbankan konvensional diuruskan dengan baik berdasarkan pembiayaan yang ditanggung (Investopedia 2016). Pembiayaan ini dilihat membuahkan hasil kerana berupaya memberi kesan yang positif dalam meningkatkan nisbah pulangan atas aset perbankan konvensional.

Faktor kualiti kecairan, X_5 turut mempengaruhi nisbah pulangan atas aset perbankan konvensional. Terdapat bukti yang kukuh untuk menolak pernyataan H_0 pada aras keertian 1%. Peningkatan satu unit faktor kualiti kecairan meningkatkan nisbah pulangan atas aset sebanyak 0.0726 apabila faktor-faktor lain bernilai sifar. Setiap unit aset yang dicairkan berdasarkan kepada jumlah keseluruhan aset perbankan konvensional dapat meningkatkan keuntungan sebanyak 0.0726. Ini menunjukkan bahawa sekiranya terdapat krisis ekonomi seperti inflasi, perbankan konvensional masih mampu bertahan kerana institusi perbankan ini berkemampuan untuk membayar pinjaman yang dilakukan (Christa 2013). Tunai yang didepositkan ke dalam bank adalah aset bagi pelanggan, manakala bagi pihak bank pula, tunai tersebut menjadi liabiliti kepada bank. Kegawatan ekonomi yang kebiasaannya dilihat dari segi inflasi, pelanggan akan kerap mencairkan aset mereka. Oleh itu, pihak bank harus sentiasa bersedia bagi memenuhi keperluan pelanggan dalam mencairkan aset mengikut kehendak pelanggan.

4.3 Perbincangan

Nisbah pulangan atas aset merujuk kepada pendapatan yang diperolehi hasil daripada modal yang dilaburkan. Perbankan Islam mempunyai nisbah pulangan atas aset yang positif, iaitu 0.0034 sekiranya kesemua faktor CAMEL bernilai 0. Berlainan pula dengan perbankan konvensional, nisbah pulangan atas aset adalah -0.0101 . Ini menunjukkan bahawa perbankan Islam mempunyai pendapatan yang lebih baik daripada perbankan konvensional hasil daripada permulaan modal yang dilaburkan. Kedua-dua jenis perbankan, iaitu perbankan Islam dan perbankan konvensional mempunyai faktor-faktor yang berbeza dalam mempengaruhi keberuntungan institusi perbankan berkenaan berikutan penggunaan prinsip perbankan yang berlainan. Nisbah pulangan atas aset perbankan Islam dipengaruhi oleh faktor kecukupan modal, X_7 dan faktor kualiti pendapatan, X_4 . Manakala bagi nisbah pulangan atas aset perbankan konvensional pula, faktor-faktor yang mempengaruhinya adalah faktor kualiti aset X_2 , faktor kualiti pengurusan X_3 , dan faktor kualiti kecairan X_5 .

Faktor kecukupan modal yang mempengaruhi model keberuntungan perbankan Islam memberi gambaran tentang daya maju institusi perbankan disamping dapat mengawal permasalahan berkaitan kerugian. Hal ini demikian kerana modal yang sedia ada cukup untuk menampung segala kerugian yang tidak dijangka. Dari segi keuntungan pula, modal yang dimiliki institusi perbankan ini mampu memberi peluang kepada perbankan Islam untuk mengembangkan lagi perniagaan dalam menjana pendapatan yang lebih tinggi (Eric 2014). Faktor kualiti aset pula memberi kesan kepada model keberuntungan perbankan konvensional tetapi tidak memberi kesan kepada model keberuntungan perbankan Islam. Perkara yang ketara bagi faktor ini adalah berkaitan perkhidmatan pinjaman yang diberikan kepada pelanggan. Perbankan konvensional aktif dalam menyediakan perkhidmatan ini kerana meraih pendapatan hasil daripada faedah yang dikenakan kepada pinjaman. Semakin banyak pinjaman yang diberikan, semakin tinggi risiko kredit yang dihadapi (John 1991).

Faktor kualiti pengurusan mempengaruhi nisbah pulangan atas aset perbankan konvensional tetapi tidak mempengaruhi nisbah pulangan atas aset perbankan Islam. Ini menunjukkan bahawa pengurusan deposit yang baik mampu menjana keuntungan perbankan

konvensional. Pengurusan deposit yang dimaksudkan adalah dari segi pinjaman yang diberikan kepada pelanggan. Sekiranya nisbah kualiti aset kurang daripada 1, ini menunjukkan bahawa bank hanya menggunakan deposit untuk diberikan kepada pelanggan. Namun begitu, sekiranya nisbah kualiti aset melebihi 1, terdapat sumber lain selain deposit yang disediakan sebagai pinjaman kepada pelanggan. Faktor seterusnya yang mempengaruhi nisbah pulangan atas aset perbankan Islam tetapi tidak mempengaruhi nisbah pulangan atas aset perbankan konvensional adalah faktor kualiti pengurusan. Faktor kualiti pengurusan memberi kesan negatif kepada pulangan atas aset. Menurut Nadica (2014), kos operasi yang tinggi ini memberi kesan kepada penurunan keuntungan perbankan. Kualiti kecairan mempengaruhi nisbah pulangan atas aset perbankan konvensional tetapi tidak mempengaruhi nisbah pulangan atas aset perbankan Islam. Perbankan konvensional mengeluarkan skim pinjaman berserta faedah termasuklah kad kredit. Berikutan itu, perbankan konvensional berhadapan dengan risiko kredit yang tinggi sekiranya peminjam tidak dapat membayar pinjaman-pinjaman yang telah diberikan (Hanif 2011).

5. Kesimpulan

Institusi perbankan yang bertindak sebagai pengantara dalam menyediakan perkhidmatan kewangan harus memastikan institusi tersebut berada dalam keadaan kukuh lebih-lebih lagi pada waktu genting ketika berlakunya krisis ekonomi. Sekiranya berlaku krisis ekonomi, kesemua bank akan mendapat kesannya. Contohnya ketika inflasi, pelanggan akan aktif dalam mengeluarkan tunai. Pada masa tersebut bank perlu mempunyai aset mudah tunai yang banyak supaya tidak mengalami masalah kecairan (How *et al.* 2005). Hasil analisis data membawa kepada rumusan bahawa perbankan Islam dan perbankan konvensional mempunyai prestasi kewangan yang baik bagi tahun 2009 hingga 2014. Faktor-faktor CAMEL yang mempengaruhi keberuntungan perbankan Islam dan perbankan konvensional ini bertepatan dengan prinsip kewangan yang dijalankan. Keberuntungan perbankan konvensional lebih merujuk kepada pengurusan kewangan sebaliknya keberuntungan perbankan Islam lebih merujuk kepada aspek pengurusan operasi dan ekuiti perbankan berkenaan.

Rujukan

- Abdus Samad. 2004. Performance of interest-free Islamic banks vs. interest-based conventional banks of Bahrain. *IJUM Journal of Economics and Management* 12(2): 1-15.
- Badrul Hisham Kamaruddin & Rohani Mohd. 2013. CAMEL analysis of Islamic and conventional banking in Malaysia. *Business and Management Quarterly Review* 4(3&4): 81-89.
- Bank Negara Malaysia. 2013. Kecukupan modal. <http://www.bnm.gov.my/>. (7 September 2016)
- Christa H.S. 2013. *Liquidity: How Banks Create It and How It Should Be Regulated*. The Oxford Handbook of Banking, Second Edition (2 ed.). Texas A&M University: Wharton Financial Institutions Center.
- Eric A.P. 2014. *How Do Bank Regulators Determine Capital Adequacy Requirements?* University of Chicago, Coase-Sandor Institute for Law & Economics, Research Paper No. 698.
- FindLaw. 2013. Equity Investments vs Loans. <http://smallbusiness.findlaw.com/business-finance/equity-investments-vs-loans>. (17 Mei 2016)
- Gujarati D. & Porter D. 2009. *Basic Econometrics*. New York: Mc-Graw-Hill Higher Education.
- How J., Abdul Karim M. & Verhoeven P. 2005. The Islamic financing and bank risks: The case of Malaysia. *Thunderbird International Business Review* 47(1): 75-94.
- Investopedia. 2016. Operating expense. http://www.investopedia.com/terms/operating_expense.asp. (17 Mei 2016)
- John R.W. 1991. Loan Loss Reserves. *Federal Reserve Bank of Richmond. Economic Review July/August*. 23-30.
- Mohamad Zaim I., Anitha R., Mohammad Taquiuddin M., & Nor Hanani A. 2015. Perbankan Islam di Malaysia: tinjauan strategi pengukuhanannya. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society* 9(1): 48-56.
- Muhammad Hanif. 2011. Differences and similarities in Islamic and conventional banking. *International Journal of Business and Social Science* 2(2): 166-176.

- Nadica I. 2014. An analysis of bank profitability in Macedonia. *Journal of Applied Economics and Business* 2(1): 31-50.
- Rosfazila binti Abd Rahman, Novel Anak Lyndon, Abd Hair Awang & Azlina Abdullah. 2016. Makna budaya organisasi Islam: kajian ke atas pekerja Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB). *Journal of Social Science and Humanities*, Special Issue 1 (September 2016): 204-217.
- Salman Shaikh & Amanat Jalbani. 2008. Risk Management in Islamic and Conventional Banks: A Differential Analysis. *Journal of Independent Studies and Research-Management, Social Sciences and Economics* 7(2): 1-14.

*Pusat Pengajian Sains Matematik
Fakulti Sains dan Teknologi
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor DE, MALAYSIA
Mel-e: humaida@ukm.edu.my*, nuramiramohdnoh@gmail.com*

*Penulis untuk dihubungi